

# 'Karut tidak boleh belajar dalam bahasa Inggeris'

UM - 12/11/2005

MASERU (Lesotho) 12 Nov. – Tun Dr. Mahathir Mohamad mempersoalkan sikap pihak-pihak yang menentang penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah dengan menyifatkan mereka didorong oleh chauvinisme kaum.

“Saya tidak tahu sama ada ini kerana pelajaran atau sedikit disebabkan sikap chauvinisme.

“Tetapi untuk menyatakan bahawa kita tidak boleh belajar mata pelajaran Sains dan Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris adalah karut kerana bukan kita saja di dunia yang berbuat demikian,” hujah bekas Perdana Menteri ketika ditemui pada Dialog Perkongsian Pintar Global 2005 di sini.

Kata beliau lagi: “Di China, mereka mengajar bahasa Inggeris dan akan muncul 200 juta rakyatnya yang akan bertutur bahasa itu.”

Isu mengenai dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik yang pernah mencetuskan kontroversi pada 2002 kembali hangat apabila Parti Gerakan 6 November lalu menggesa kerajaan mengkaji kesan penggunaannya setelah tiga tahun ia dilaksanakan.

Timbalan Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, isu bahasa itu masih menjadi teras perjuangan Gerakan sejak tahun 2002 kerana mendakwa murid-murid lebih selesa dan mudah memahami mata pelajaran tersebut menggunakan bahasa ibunda.

Tsu Koon sekali lagi mengulangi pendirian tegas untuk terus membangkitkan isu tersebut walaupun menerima tekanan pelbagai pihak yang mahu beliau menghentikannya.

Susulan daripada itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelmarin membidas kepimpinan Gerakan kerana mempersoalkan keputusan kerajaan Barisan Nasional (BN) berhubung perkara tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula semalam menegaskan dasar pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kekal.

Semasa ditanya apakah akan berlaku jika Malaysia kembali menggunakan bahasa ibunda untuk mengajar mata pelajaran sains dan matematik, Dr. Mahathir menyatakan bahawa rakyat negara ini akan memisahkan diri masing-masing di antara satu sama lain.

“Keadaan sudah buruk dengan mereka tidak pergi ke sekolah yang sama. Kini mereka diajar dalam bahasa Cina, sementara yang India menggunakan bahasa Tamil, mereka tidak akan bercakap di antara satu sama lain langsung, dan mereka tidak memerlukan di antara sama lain.

“Setiap kali kita berusaha untuk merapatkan hubungan, ada saja yang menghalang suanya kita terus jauh di antara satu sama lain,” kata beliau.

Mengenai Dialog Perkongsian Pintar, beliau menyatakan perbincangan berjalan dengan baik peserta menunjukkan minat di mana idea-idea baru dikeluarkan, termasuk cadangan mengenai kepentingan nilai-nilai etika dan budaya.

Sambil menyebut mengenai kepetahan berhujah peserta dari Afrika, banyak pihak menunjukkan minat untuk meneruskan dialog perkongsian pintar ini dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyatakan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) tahun depan akan tetap diadakan, jelasnya lagi.

Menurutnya, ada satu ketika dahulu terdapat cadangan supaya dihentikan dialog ini dan ia mendatangkan protes daripada peserta-peserta yang mempunyai minat besar terhadap gerakan ini.

Beliau bagaimanapun kesal kerana tidak banyak peserta dari kalangan sektor swasta dan berharap mereka akan digesa untuk menghadiri dialog perkongsian pintar Langkawi tahun depan.

Ditanya mengenai peranan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), Dr. Mahathir berkata, pertubuhan ini mempunyai peranan kerana penubuhannya adalah untuk menagnjurkan Dialog Perkongsian Pintar.

– Utusan



MAHATHIR MOHAMAD